

10 OCT 1998

MAHATHIR-RENONG/I

BARAT AMALKAN PILIH KASIH, KATA MAHATHIR

PETALING JAYA, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara Barat akan sentiasa terlepas daripada skim penyelamat mereka manakala di Asia pula akan mendapat kritikan jika langkah-langkah seumpama itu diambil.

Amalan pilih kasih ini kini mendapat perhatian sekali lagi apabila media barat mengkritik cadangan Renong Bhd semalam untuk menukar sebahagian besar daripada hutang kumpulan itu kepada bon kerajaan jangka panjang bernilai RM10.5 bilion.

Kerajaan mengambil langkah untuk membantu konglomerat prasarana kerana kesannya akan menjadi buruk terutamanya bank-bank sekiranya Renong gagal, kata para penganalisis.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir usaha menyelamatkan Long Term Capital Management (LTCM), iaitu dana lindung nilai Amerika Syarikat yang memerlukan sejumlah AS\$3.5 bilion untuk terus hidup disebabkan kerugian daripada pelaburan yang berisiko tinggi tidak menjadi hal bagi mereka.

"LTCM diselamatkan oleh orang-orang yang sama yang menguruskan bank dengan menggunakan wang bank berkenaan untuk menyelamatkan diri sendiri, itu tidak menjadi hal kerana mereka bukan orang-orang Asia," tambahnya.

Dr Mahathir berkata orang-orang Asia sering dilihat sebagai penjahat dan menipu orang lain apabila kerajaan membantu menyelamatkan syarikat-syarikat strategik.

"Saya tak tahu macam mana hendak mengulas," katanya apabila ditanya mengenai usaha Renong selepas merasmikan pameran rekacipta, inovasi, rekabentuk perusahaan dan teknologi (ITEX'98) di sini hari ini.

"Semua yang dilakukan orang-orang Asian tidak kena, kita mesti menipu seseorang. Saya telah memutuskan bahawa apa sahaja yang kita buat, kita ni penjahat," katanya.

Di bawah urusjanji yang diumumkan semalam, Renong dan syarikat sekutunya, United Engineers (M) Bhd (UEM) akan menggunakan bon-bon bagi menggantikan bayaran pinjaman kepada pihak yang memberi pinjaman yang kebanyakannya terdiri daripada bank-bank perdagangan.

Bon-bon yang dicadangkan itu akan dibayar semula daripada aliran tunai masa depan dan pendapatan cukai daripada anak syarikat milik penuh UEM, Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), manakala saham-saham PLUS akan dijadikan cagaran kepada kerajaan.

Hutang kumpulan Renong dianggarkan RM20 bilion, iaitu melebihi lima peratus daripada semua pinjaman di dalam sektor perbankan negara ini.

Laporan itu menyatakan bahawa cadangan yang dikemukakan oleh bank pelaburan Credit Suisse First Boston telah mendapat kelulusan kerajaan secara dasarnya.

Bon-bon itu akan diterbitkan oleh agensi khas kerajaan, Infrastructure Development Corp (IDC), yang dimiliki 100 peratus oleh Kementerian Kewangan.

-- BERNAMA

MK MA